

Headline	Malaysian AIDS Foundation Kuching Gala, 8 Disember		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	26 Nov 2016	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	157 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 509
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,527



'Malaysian AIDS Foundation Kuching Gala', 8 Disember

SARAWAK merancang menubuhkan Pusat Penjagaan Kesihatan Sehenti bagi Sokongan, Penjagaan dan Rawatan HIV Bersepadu yang pertama di negeri ini.

Pengerusi Yayasan AIDS (MAF) Malaysia Profesor Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman berkata bagi mencapai impian itu 'Malaysian AIDS Foundation Kuching Gala' akan diadakan ada 8 Disember depan di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK).

Beliau berkata penganjuran majlis itu juga bertujuan mengumpul dana bagi menubuhkan Pusat Penjagaan Kesihatan Sehenti bagi Sokongan, Penjagaan dan Rawatan HIV Bersepadu yang pertama di negeri ini.

Isteri Ketua Menteri Datin Patinggi Datuk Amar Jamilah Anu bertindak sebagai penaung majlis yang diadakan sempena Hari AIDS Sedunia yang disambut pada 1 Disember setiap tahun.

"Idea untuk mewujudkan kemudahan itu adalah respons kepada halangan-halangan dihadapi penduduk luar bandar dan pedalaman Sarawak mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan HIV percuma disediakan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

"Pusat ini akan ditempatkan di Kuching,

pusat ini akan berfungsi sebagai rumah hentian sebelum pesakit mendapat rawatan di Hospital Umum Sarawak (HUS) sebagai tambahan menawarkan perkhidmatan berkaitan HIV dan AIDS seperti ujian HIV berasaskan komuniti, kaunseling, literasi rawatan serta khidmat undang-undang dan kebajikan," jelasnya dalam satu kenyataan kelmarin.

Menurutnya pusat berkenaan akan dikendalikan bersama Persatuan Prihatin AIDS Sarawak (SACS) dan Rakan Organisasi Majlis AIDS Malaysia.

"Sarawak mula merekodkan kes HIV pada 1989, tiga tahun selepas kes pertama di Malaysia dikesan. "Sehingga Disember 2015, jumlah terkumpul jangkitan HIV ialah 2,178, 480 kematian berkaitan AIDS.

"Kadar jangkitan HIV di Sarawak ketika ini ialah 8.7 bagi setiap 100,000 orang, lebih rendah daripada purata kebangsaan 10.9 per setiap 100,000 orang.

"Namun jangkitan HIV baharu di negeri ini meningkat dalam tempoh lima tahun lepas, iaitu 230 kes direkodkan pada 2015 berbanding 169 pada 2011," jelas Zaki.

Katanya angka itu gagal menunjukkan realiti sebenar dalam melawan impak sosial negatif HIV dan AIDS.